


MULA



KONSEP PENDAKWAAN DALAM ISLAM
SATU KAJIAN DI
MAHKAMAH SYAR'IYYAH WILAYAH PERSEKUTUAN

OLEH
KASSIM BIN OSMAN

FAKULTI SYARIAH
AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA
JANUARI 1990

KONSEP PENDAKWAAN DALAM ISLAM
SATU KAJIAN DI
MAHKAMAH SYAR'IIYAH WILAYAH PERSEKUTUAN

OLEH
KASSIM BIN OSMAN

KERTAS PROJEK INI IALAH SATU LATIHAN
ILMIAH UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA KEPERLUAN IJAZAH SARJANA
MUDA DALAM SYARIAH PADA SESI 1989/90

FAKULTI SYARIAH
AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA
JANUARI 1990



PENGHARGAAN

Al-Hamdulillah, penulis bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang telah memberi taufik dan hidayah-Nya serta kesabaran kepada penulis di dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini. Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia penulis yang berbahagia Ustaz Md. Saleh B. Hj. Md @ Hj. Ahmad yang telah banyak memberikan tunjuk ajar serta teguran yang membina kepada penulis untuk memperbaiki kajian ini.

Dalam kesempatan ini juga penulis ingin mengatur ucapan terima kasih kepada Ustaz Ismail B. Mokhtar dan Ustaz Azizan B. Shaari, selaku Pendakwa di Unit Penguatkuasa dan Pendakwa, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, dan semua kakitangan Unit ini yang turut terlibat dalam memberikan kerjasama dan khidmat murni kepada penulis untuk mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian ini.

Terima kasih banyak juga kepada semua kakitangan di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Awam, Pusat Islam dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa. Tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada Lee, yang telah memberikan sumbangan mental dan material kepada penulis.

Akhir sekali kepada semua sahabat-sahabat dan kepada 'mu' yang telah memberikan dorongan serta semangat kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini. Semoga Allah s.w.t. memberkati usaha yang kecil ini.

KASSIM B. OSMAN,
F 275, SG. KOTA,
BAGAN TIANG, TG.
PIANDANG, 34250,
PERAK. D. RIDZUAN.

4 JAMADILAKHIR 1410 H
1 JANUARI 1990M

SINOPSIS

Secara keseluruhannya, kajian ini telah dibahagikan kepada empat bab, dan dalam tiap-tiap bab, penulis telah membahagikan kepada dua fasal. Dalam bab pertama, terdapat dua fasal. Fasal pertama, penulis telah membincangkan tentang definisi, konsep, kepentingan pendakwaan dan sebagainya. Manakala dalam fasal kedua pula, penulis telah menyentuh tentang pembahagian dakwaan menurut pandangan Islam.

Sementara dalam bab kedua, juga terdapat dua fasal, fasal pertama membicarakan tentang proses memaksa kehadiran orang yang dituduh ke-Mahkamah dan fasal kedua pula, penulis menyatakan mengenai cara-cara untuk mengemukakan sesuatu pendakwaan.

Seterusnya dalam bab ketiga, penulis telah mengulas pandangan para Fuqaha' mengenai tempat perbicaraan, masa perbicaraan dan beberapa peraturan Mahkamah yang mesti dipatuhi oleh orang yang menghadiri perbicaraan, dalam fasal pertama, sementara dalam fasal kedua dalam bab

ini, penulis telah menyatakan tentang tugas-tugas seseorang Hakim semasa perbicaraan dan ketika ia hendak membuat sesuatu keputusan dalam sesuatu perbicaraan.

Bab keempat merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini, bab ini lebih ditumpukan kepada Bahagian Pentadbiran Syariah, Unit Penguatkuasa dan Pendakwa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, sekaligus melihat prosedur pendakwaan yang diamalkan oleh unit ini. Dan akhir sekali penulis telah membuat kesimpulan dan penilaian serta sedikit cadangan atau saranan dalam usaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi prestasi Mahkamah Syar'iyah dan Unit Penguatkuasa dan Pendakwa, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

DAFTAR ISI

HALAMAN TAJUK	
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	iii
DAFTAR ISI	v
SENARAI JADUAL	xii
TRANSLITRASI	xv
PENDAHULUAN	1
TUJUAN KAJIAN	3
RUANG KAJIAN & METHODOLOGI KAJIAN	4
<u>BAB PERTAMA</u>	
Fasal Pertama	
1. TA ^C RIF DAKWA PADA BAHASA DAN SYARA ^C	
1.1 Ta ^C rif Dakwa Pada Bahasa	7
1.2 Ta ^C rif Dakwa pada Syara ^C	9
2. KEPENTINGAN DAKWAAN DAN KETERANGAN	11
3. BEBAN PEMBUKTIAN	
3.3 Ke atas Siapa Letaknya Beban Pembuktian	15
3.4 Beratnya Beban Pembuktian	20

4.	RUKUN-RUKUN DAKWAAN	24
5.	TA ^C RIF PENDAKWA DAN YANG DIDAKWA	25
6.	SYARAT-SYARAT BAGI PENDAKWA DAN YANG DIDAKWA	
	i. Mukallaf (^C aqil dan baligh)	27
	ii. Al- ^C Ismah	29
7.	TA ^C RIF SESUATU (HAK YANG DIDAKWA ATAU DITUNTUT)	31
	i. Syarat sah dakwaan terhadap harta tak alih (immovable property)	33
	ii. Syarat sah dakwaan terhadap harta alih	34
8.	LAFAZ (SIGHAH) DAKWAAN	35

Fasal Kedua

1.	PEMBAHAGIAN DAKWAAN	
1.2	Dakwaan yang sah	37
1.4	Dakwaan yang fasid (rosak)	41
1.5	Dakwaan yang batal	42

2.	DAKWA AL-HISBAH	43
3.	SYARAT RUKUN DAKWA AL-HISBAH	45
a.	Al-Muhtasib	46
b.	Al-Muhtasab Fi Hi	49
c.	Al-Muhtasab ^c Alaih	51
d.	Al-Ihtisab	51

BAB KEDUA

Fasal Pertama

1.	MENGHADIRKAN YANG DIDAKWA KE MAHKAMAH SEKIRANYA IA BERADA DALAM BIDANGKUASA HAKIM	61
2.	MENGHADIRKAN YANG DIDAKWA KE MAHKAMAH SEKIRANYA IA BERADA DI LUAR BIDANGKUASA HAKIM	71

Fasal Kedua

1.	MAHKAMAH YANG BERHAK MENDENGAR PENDAKWAAN	72
2.	PROSEDUR MENGEMUKAKAN PENDAKWAAN	77
3.	BAYARAN PERKHIDMATAN PENDAKWAAN	79

4.	TIDAK MENURUT SUSUNAN DALAM MEN- DENGAR PENDAKWAAN	81
5.	WAKIL DALAM PENDAKWAAN	82
6.	BERAKHIRNYA MANDAT (WAKALAH) MENDAKWA	84
7.	PERLANTIKAN PENDAKWARAYA	85

BAB KETIGA

Fasal Pertama

1.	TEMPAT PERBICARAAN	92
2.	HUKUM MENJALANKAN PERBICARAAN DI RUMAH DAN DI MASJID	94
3.	MASA PERBICARAAN	98
4.	ORANG YANG MENGHADIRI MAHKAMAH	100
5.	PERATURAN-PERATURAN MAHKAMAH	104

Fasal Kedua

1.	TUGAS-TUGAS HAKIM	108
2.	PERBICARAAN YANG DIHADIRI OLEH KEDUA-DUA PIHAK YANG BERTIKAI	114
2.4.1	Pengakuan (iqrar)	116
2.4.2	Hukum ruju ^c daripada iqrar	116
2.4.3	Ingkar dakwaan	118
2.4.4	Keterangan pendakwa se- lepas sumpah yang di- dakwa	121
2.4.5	Enggan bersumpah	122
2.4.6	Kes-kes yang boleh di- hukum berdasarkan ke- pada nukul dan sumpah pendakwa	123
2.4.7	Mendiamkan diri atau tanpa jawapan	125
3.	PERBICARAAN YANG DIHADIRI OLEH SALAH SATU PIHAK YANG BERTIKAI	126
4.	PENANGGUHAN PERBICARAAN	136
5.	MENAMATKAN PERBICARAAN	139

BAB KEEMPAT

Fasal Pertama

1. PENDAHULUAN 150
2. PENUBUHAN UNIT PENGUATKUASA DAN
PENDAKWA JABATAN AGAMA ISLAM
WILAYAH PERSEKUTUAN 151
3. OBJEKTIF UNIT PENGUATKUASA DAN
PENDAKWA 154
4. STRATEGI UNIT PENGUATKUASA DAN
PENDAKWA 155
5. FUNGSI UNIT PENGUATKUASA DAN
PENDAKWA 156
6. TUGAS-TUGAS DAN BIDANGKUASA
PEGAWAI UNIT PENGUATKUASA DAN
PENDAKWA
 - 6.1 Ketua Penolong Pengarah
Penguatkuasa dan Pendakwa 157
 - 6.2 Pegawai Pendakwa 158
 - 6.3 Penolong Pengarah Penguat-
kuasa dan Pencegahan 160
 - 6.4 Pegawai-pegawai penyiasat 161
 - 6.5 Pembahagian tugas dan
kawasan 162
 - 6.6 Kegiatan-kegiatan pegawai-
pegawai penguatkuasa 163

BAB KEEMPAT

Fasal Pertama

1. PENDAHULUAN 150
2. PENUBUHAN UNIT PENGUATKUASA DAN
PENDAKWA JABATAN AGAMA ISLAM
WILAYAH PERSEKUTUAN 151
3. OBJEKTIF UNIT PENGUATKUASA DAN
PENDAKWA 154
4. STRATEGI UNIT PENGUATKUASA DAN
PENDAKWA 155
5. FUNGSI UNIT PENGUATKUASA DAN
PENDAKWA 156
6. TUGAS-TUGAS DAN BIDANGKUASA
PEGAWAI UNIT PENGUATKUASA DAN
PENDAKWA
 - 6.1 Ketua Penolong Pengarah
Penguatkuasa dan Pendakwa 157
 - 6.2 Pegawai Pendakwa 158
 - 6.3 Penolong Pengarah Penguat-
kuasa dan Pencegahan 160
 - 6.4 Pegawai-pegawai penyiasat 161
 - 6.5 Pembahagian tugas dan
kawasan 162
 - 6.6 Kegiatan-kegiatan pegawai-
pegawai penguatkuasa 163

7. PROSEDUR PENDAKWAAN

7.1	Aduan	165
7.2	Penyiasatan	165
7.3	Pendakwaan dan Perbicaraan	169
7.4	Hukuman	174

Fasal Kedua

1.	KESIMPULAN DAN PENILAIAN	177
2.	CADANGAN-CADANGAN	185
3.	PENUTUP	191

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN: A - Carta Organisasi Unit Penguatkuasa Dan Pendakwa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- LAMPIRAN: B - Borang Aduan
- LAMPIRAN: C - Borang Siasatan Aduan
- LAMPIRAN: D - Borang Keterangan Ringkas
- LAMPIRAN: E - Borang Percakapan Dalam Pemeriksaan
- LAMPIRAN: F - Kertas Pertuduhan (Charge Sheet)
- LAMPIRAN: G - Saman Kadi (Kadi Summons)
- LAMPIRAN: H - Subpeona Kadi
- LAMPIRAN: J - Waran Tangkap
- LAMPIRAN: K - Prosedur Dalam Mahkamah
- LAMPIRAN: Z - Prosedur Pertuduhan

SENARAI STATUT

- i. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor 1952 (sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah 1974)
- ii. Kanun Acara Jenayah Mahkamah Syariah, 1974
- iii. Akta Mahkamah Syariah 1966
- iv. Akta Mahkamah Juvana 1947
- v. Kanun Prosedur Jenayah (N.M.B. Bab 6)
- vi. Akta Keterangan Malaysia 1950
- vii. Kanun Keseksaan 1987
- viii. Perlembagaan Persekutuan

PEDOMAN TRANSLITERASI
HURUF ARAB KE HURUF RUMI

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	s
ض	d
ط	t
ظ	z
ع	.
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ي	y
آ	a
إ	i

1. PENDAHULUAN

1.1 Masyarakat umum, khususnya dikalangan para Hakim dan cerdik pandai Islam mengetahui negara kita masih lagi tidak mempunyai suatu undang-undang Prosedur Jenayah, Mal dan Keterangan yang ditulis dengan lengkap berdasarkan hukum Islam yang patut dipakai kecuali di Kelantan dan Kedah. Kebanyakan prosedur-prosedur perbicaraan yang dijalankan di Mahkamah Syar'iyah di negeri-negeri masih lagi menggunakan prosedur Jenayah, Mal dan Keterangan yang dipakai oleh Mahkamah Awam.

1.2 Dengan pemakaian ini telah membayangkan kepada umum bahawa dalam pentadbiran Jenayah, Mal dan Keterangan Islam, seolah-olah tidak mempunyai prosedurnya sendiri, sedangkan undang-undang Islam merupakan undang-undang yang lengkap dan syumul yang datang dari Allah s.w.t. itu mempunyai pelbagai kategori kesalahan yang lebih detail, sudah pastinya ia mempunyai prosedurnya sendiri.

1.3 Hal ini dapat kita buktikan apabila kita meneliti hasil penulisan Fuqaha' Islam dari berbagai Mazhab yang berkeleyakkan atau authoriti dalam Perundangan Islam. Antara tulisan awal yang dapat dikesan seperti tulisan Abu Bakr Ahmad bin Amr bin Mahir al-Syaibaniy atau lebih dikenali dengan gelaran al-Khassaf. Kemudian disusuli pula beberapa Fuqaha' lain antaranya, Abu Bakr Ahmad bin ^cAli al-Razi (al-Jassas), al-Mawardi dari Mazhab Syafi'e dalam bukunya 'Adab al-Qadi' dan al-Ahkam al-Sultaniyyah. Abu Ya^cla daripada Mazhab Hanafi dalam bukunya al-Ahkam al-Sultaniyyah dan al-Kasaniy dalam bukunya Badai^c As-Sanai^c. Buku Bidayah al-Muhtaj wa-Nihayah pula ditulis oleh Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ahmad. Ibn Qudamah daripada Mazhab Hanbali pula menulis dalam bukunya al-Mughniy, begitu juga Ibn Farahun dalam bukunya Tabsirah al-Hukkam dan banyak lagi buku-buku moden yang membicarakan tentang prinsip-prinsip prosedur yang pernah menjadi ikutan dalam institusi Kehakiman Islam. Menyedari hakikat inilah, maka sewajarnya ada usaha-usaha daripada para cendiakawan Islam untuk mewujudkan Kanun Acara Jenayah, Mal dan Keterangan Islam untuk dipakai diseluruh negeri di Malaysia khususnya

di Mahkamah Syar'iyah yang mana kesemua akta ini hendaklah disesuaikan dengan pendapat para Fuqaha' Islam dari berbagai Mazhab itu. Dengan wujudnya Kanun ini diharapkan agar dapat memudahkan hakim-hakim, pegawai-pegawai penguatkuasa dan pendakwa di semua Jabatan Agama Islam negeri menggunakan prosedur ini untuk menghasilkan ke^cadilan sebagaimana yang dikehendaki oleh Syari^cat Islam.

2. TUJUAN KAJIAN

2.1 Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk melihat beberapa aspek. Antaranya ialah;

i. Untuk melihat konsep pendakwaan dalam perundangan Islam yang ditulis oleh para Fuqaha' Islam dari berbagai-bagai Mazhab.

ii. Mengemukakan beberapa prinsip asas dalam perundangan Islam yang dikira penting dan ia-nya mempunyai hubungkait dengan prosedur per-bicaraan yang dijalankan di Mahkamah Awam dan Mahkamah Syar'iyah sekarang ini.

iii. Untuk melihat persesuaian dan perbezaan di antara kedua-dua prinsip yang dijalankan oleh institusi Kehakiman Islam dengan perbicaraan yang dijalankan pada hari ini.

3. RUANG KAJIAN

3.1 Ruang kajian ini ditumpukan kepada Mahkamah Syar'iyah Wilayah Persekutuan yang terletak di tingkat 4 & 5, Wisma Baitulmal, No. 132-138, Jalan Ipoh 51200 Kuala Lumpur dan di Unit Penguatkuasa dan Pendakwa, Bangunan PERKIM tingkat bawah Podium, 51200 Kuala Lumpur.

4. METHODOLOGI KAJIAN

4.1 Dalam usaha menyiapkan kajian ini, penulis telah memilih dua method iaitu;

i. Kajian Perpustakaan

ii. Kajian Luar

4.2 Kajian Perpustakaan

Penulis memilih method kajian perpustakaan untuk mendapatkan bahan-bahan seperti buku-buku, kamus, kertas kerja dan pelbagai sumber lain yang ada hubungannya dengan kajian ini untuk menjelaskan konsep, definisi, fakta yang hendak dibincangkan. Penulis telah mendapatkan bahan-bahan sumber ini daripada Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Pusat Islam dan juga Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya.

4.3 Kajian Luar

Penulis menggunakan method kajian luar dalam dua bentuk iaitu;

i. Temubual

Penulis juga membuat temubual dengan orang-orang tertentu, yang penulis rasakan mereka ini dapat memberikan gambaran yang jelas dan lebih dekat lagi tentang perkara-perkara yang ada kaitan dengan kajian ini.

ii. Pengamatan

Selain daripada method temubual penulis juga menggunakan method pengamatan untuk membuat tinjauan dan pemerhatian terhadap keadaan yang sebenar. Penulis juga melibatkan diri secara langsung dalam mengikuti perbicaraan yang dijalankan di Mahkamah Syar'iyah Wilayah Persekutuan. Dengan ini penulis dapat membuat penilaian tentang prosedur perbicaraan yang sedang dipakai sekarang ini.